

## Lampiran 6

**KONTRAK PUSAT PEROLEHAN PERISIAN, PERKHIDMATAN DAN PERKAKASAN MICROSOFT DI BAWAH MASTER LICENSING AGREEMENT (MLA) 3.0****1. TUJUAN**

- 1.1 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Agensi Kerajaan mengenai Kontrak Pusat bagi perolehan perisian, perkhidmatan dan perkakasan Microsoft di bawah MLA 3.0 kepada semua Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan Institusi Latihan Awam (ILA) di seluruh Malaysia kecuali Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta institusi dan agensi di bawah seliaan KPM dan KPT.

**2. PENGGUNAAN KONTRAK PUSAT MLA 3.0**

- 2.1 Perisian, perkhidmatan dan perkakasan Microsoft yang ditawarkan di bawah MLA 3.0 adalah seperti berikut:
- 2.1.1 *Enterprise Agreement Perpetual (EAP);*
  - 2.1.2 *Enterprise Agreement Subscription (EAS);*
  - 2.1.3 *Enrollment For Education Solution (EES);*
  - 2.1.4 *Microsoft Consulting Services (MCS);*
  - 2.1.5 *Microsoft Hardwares;*
  - 2.1.6 *Microsoft Premier Services (MPS);*
  - 2.1.7 *Microsoft Product And Services Agreement (MPSA) Individual Client Access License (CAL);*
  - 2.1.8 *Microsoft Product And Services Agreement (MPSA) Academic Perpetual;*
  - 2.1.9 *Microsoft Product And Services Agreement (MPSA) Academic Subscription;*
  - 2.1.10 *Open Value Perpetual (OVP);*
  - 2.1.11 *Open Value Subscription (OVS);*
  - 2.1.12 *Open Value Subscription Education (OVS Education);* dan
  - 2.1.13 *Renewal Software Assurance (Renewal SA)*
- 2.2 Peraturan ini tidak terpakai bagi perolehan *Windows Operating System (OS)* yang dibekalkan oleh *Original Equipment Manufacturer (OEM)*/syarikat pembuat.
- 2.3 Agensi adalah dilarang memperoleh dan menggunakan perisian yang tidak berlesen. Tindakan surcaj boleh diambil ke atas mana-mana pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam 1PP ini.

- 2.4 Agensi yang mempunyai kontrak perisian Microsoft yang masih berkuat kuasa sebelum penguatkuasaan MLA 3.0, boleh meneruskan kontrak sedia ada dan mengguna pakai peraturan ini sebaik sahaja tempoh kontrak tersebut tamat. Sebaik sahaja kontrak tersebut tamat, Agensi adalah dikehendaki mematuhi peraturan yang ditetapkan di 1PP ini.

### 3. BUTIR-BUTIR KONTRAK PUSAT

Butiran Kontrak Pusat MLA 3.0 adalah seperti berikut:

#### 3.1 Tempoh Kontrak Pusat

- 3.1.1 Kontrak Pusat ini berkuat kuasa selama tiga (3) tahun bagi *new/renewal enrollment* Microsoft mulai 1 Februari 2018 sehingga 31 Januari 2021.

#### 3.2 Nama syarikat *Licensing Solution Partner (LSP)* yang dilantik

- 3.2.1 Syarikat LSP yang dilantik adalah Prestariang Systems Sdn. Bhd. (Prestariang). Butiran lengkap syarikat adalah seperti di jadual berikut:

Syarikat/No. Kontrak	Alamat/ No.Telefon/ No. Faks / E-mel	Perincian Bank
Prestariang Systems Sdn. Bhd.  PERB/PK/7/2018	70-73, NeoCyber Lingkar Cyber Point Barat 63000 Cyberjaya Selangor  No. Tel : 03-8314 8400 No. Faks : 03 -8318 9280 E-mel : <a href="mailto:mla@prestariang.com.my">mla@prestariang.com.my</a>	Ambank Islamic Berhad Lot G 02, Ground Floor Alamanda Putrajaya Shopping Centre Jalan Alamanda, Precint 1 62000 Putrajaya  Akaun No. : 2342022007526

#### 3.3 Agensi yang tertakluk di bawah MLA 3.0

- 3.3.1 Semua Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia termasuk ILA kecuali KPM dan KPT serta institusi dan agensi di bawah seliaan KPM dan KPT.
- 3.3.2 ILA yang tertakluk kepada 1PP ini adalah seperti yang disenaraikan di laman sesawang [www.1mtc.gov.my](http://www.1mtc.gov.my) kecuali ILA di bawah KPM dan KPT. Walau bagaimanapun, ILA di bawah KPM dan KPT adalah digalakkan untuk mengguna pakai MLA 3.0 ini.

3.4 **Harga dan Jenis perisian, perkhidmatan dan perkakasan**

3.4.1 Harga dan jenis perisian, perkhidmatan dan perkakasan bagi *new/renewal enrollment* di bawah MLA 3.0 adalah seperti berikut:

(a) **Program Perlesenan Perisian**

Kategori Pengguna	Item dan Harga Di Bawah MLA 3.0	Syarat								
Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri	<b><u>New/renewal Enrollment</u></b>	(i) Program perlesenan perisian ini perlu diperolehi daripada syarikat Prestariang sahaja.  (ii) Mulai 1 Februari 2018 sehingga 31 Mac 2018, harga bagi <i>new/renewal enrollment</i> adalah berdasarkan harga MLA 2.0 seperti berikut: <table border="1" data-bbox="1101 919 1425 1171"> <thead> <tr> <th>Item</th> <th>Rujukan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>EAP &amp; OVP</td> <td>Lampiran 14</td> </tr> <tr> <td>EAS &amp; OVS</td> <td>Lampiran 15</td> </tr> <tr> <td>Renewal SA (EAP &amp; OVP)</td> <td>Lampiran 16</td> </tr> </tbody> </table>	Item	Rujukan	EAP & OVP	Lampiran 14	EAS & OVS	Lampiran 15	Renewal SA (EAP & OVP)	Lampiran 16
	Item		Rujukan							
	EAP & OVP		Lampiran 14							
	EAS & OVS		Lampiran 15							
	Renewal SA (EAP & OVP)		Lampiran 16							
	(i) EAP – harga di <b>Lampiran 1;</b>									
	(ii) OVP – harga di <b>Lampiran 2;</b>									
	(iii) MPSA ( <i>individual CAL</i> ) – harga di <b>Lampiran 3;</b>									
(iv) EAS – harga di <b>Lampiran 4;</b>										
(v) OVS – harga di <b>Lampiran 5;</b>										
(vi) <i>Renewal SA (EAP)</i> – harga di <b>Lampiran 6;</b>										
(vii) <i>Renewal SA (OVP)</i> – harga di <b>Lampiran 7;</b> dan										
(viii) <i>Renewal SA (MPSA)</i> – harga di <b>Lampiran 8</b>	(iii) Walau bagaimanapun, Agensi yang telah membuat <i>new/renewal enrollment</i> menggunakan harga MLA 2.0 perlu merujuk kepada jadual harga MLA 3.0 untuk beberapa produk yang telah mengalami perubahan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Produk yang tidak lagi diteruskan (<i>obsolete</i>);</li> <li>(2) Perubahan kaedah perlesenan dari berasaskan <i>Processor</i> kepada <i>Core License</i>;</li> <li>(3) Produk berasaskan <i>Client Access License (CAL)</i>; dan</li> </ol>									

Kategori Pengguna	Item dan Harga Di Bawah MLA 3.0	Syarat
		(4) Produk baharu.  (iv) Mulai 1 April 2018 sehingga 31 Januari 2021, harga bagi <i>new/renewal enrollment</i> adalah berdasarkan harga MLA 3.0.
ILA	(i) MPSA <i>Academic Perpetual</i> – harga di <a href="#">Lampiran 9</a> ; (ii) MPSA <i>Academic Subscription</i> – harga di <a href="#">Lampiran 10</a> ; (iii) EES <i>Subscription</i> – harga di <a href="#">Lampiran 11</a> ; (iv) OVS <i>Education</i> – harga di <a href="#">Lampiran 12</a> ; dan (v) <i>Renewal SA (MPSA Academic)</i> – harga di <a href="#">Lampiran 13</a> .	(i) <b>Mandatori</b> diperolehi daripada syarikat Prestariang sahaja.  (ii) Mulai 1 Februari 2018 sehingga 31 Januari 2021, harga bagi <i>new/renewal enrollment</i> adalah berdasarkan harga MLA 3.0.

(b) Perkhidmatan

Kategori Pengguna	Item	Syarat
Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri termasuk ILA	(i) MPS – harga di <a href="#">Lampiran 17</a> ; dan (ii) MCS – harga di <a href="#">Lampiran 18</a> .	(i) MPS adalah <b>mandatori</b> diperolehi daripada syarikat Prestariang sahaja.  (ii) MCS adalah hanya sebagai pilihan ( <i>optional</i> ) yang <b>tidak mandatori</b> diperolehi oleh pihak Kerajaan. Sekiranya terdapat keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan perunding, Agensi hendaklah membuat perbandingan harga pasaran di antara MCS dan firma perunding tempatan lain yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF).

(c) Microsoft Hardwares

Kategori Pengguna	Item	Syarat
Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri termasuk ILA	(i) <i>Microsoft Hardwares</i> (perkakasan) – harga di <a href="#">Lampiran 19</a> .	(i) Perkakasan Microsoft adalah hanya sebagai pilihan ( <i>optional</i> ) yang <b>tidak mandatori</b> diperolehi oleh pihak Kerajaan. Sekiranya terdapat keperluan untuk mendapatkan perkakasan Microsoft, Agensi hendaklah membuat perbandingan harga pasaran di antara Prestariang dan syarikat pembekal tempatan lain yang berdaftar dengan MOF.

3.5 Mata Wang Asing3.5.1 Program Perlesenan Perisian

- (a) Paparan harga di [Lampiran 1](#) sehingga [Lampiran 16](#) adalah dalam mata wang Dollar Amerika (USD).
- (b) Walau bagaimanapun, tawaran harga oleh Prestariang dan pembayaran hendaklah dibuat dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM).
- (c) Kadar pertukaran 1USD kepada RM yang telah dipersetujui oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

Kadar	Ketetapan
< RM4.00	Mengikut kadar pertukaran semasa BNM
≥ RM4.00 – RM4.30	Mengikut kadar maksimum RM4.30
> RM4.30	Jika kadar pertukaran semasa BNM melebihi RM4.30 tetapi kenaikan tidak melebihi lima peratus (5%), kadar pertukaran adalah berdasarkan RM4.30.  Jika kadar pertukaran semasa BNM melebihi RM4.30 tetapi kenaikan melebihi lima peratus (5%), kadar pertukaran

	adalah berdasarkan kadar pertukaran semasa BNM.
--	---

- (d) **Tempoh sah tawaran harga oleh Prestariang adalah selama tiga (3) hari sahaja.** Agensi bertanggungjawab untuk membuat semakan ke atas tawaran harga yang dikemukakan oleh Prestariang agar selaras dengan kadar harga di **Lampiran 1** sehingga **Lampiran 16** yang ditetapkan oleh Kerajaan serta mata wang asing berdasarkan ketetapan di perenggan 3.5.1(c).

### 3.5.2 Perkhidmatan Dan Perkakasan Microsoft

- (a) Paparan harga di **Lampiran 17** sehingga **Lampiran 19** adalah dalam mata wang RM.

## 3.6 Hak Milik Dan Kelayakan

### 3.6.1 Agensi Kerajaan, Badan Berkanun Dan Kerajaan Negeri

Bil.	Jenis Program	Penentuan Hak Milik	Kelayakan
i	EAP <i>New</i>	Pemilikan Kekal	≥ 100 unit lesen
ii	EAP <i>Renewal</i>	Pemilikan Kekal	Mengikut perjanjian EAP sedia ada
iii	EAS	Langganan	≥ 100 unit lesen
iv	OVP <i>New</i>	Pemilikan Kekal	5 – 99 unit lesen
v	OVP <i>Renewal</i>	Pemilikan Kekal	Mengikut perjanjian OVP sedia ada
vi	OVS	Langganan	5 – 99 unit lesen
vii	MPSA <i>Individual CAL - New</i>	Pemilikan Kekal	≥ 5 unit lesen
viii	MPSA <i>Individual CAL - Renewal</i>	Pemilikan Kekal	≥ 5 unit lesen

### 3.6.2 ILA

Bil.	Jenis Program	Penentuan Hak Milik	Kelayakan
i	MPSA <i>Perpetual</i>	Pemilikan Kekal	5 – 999 unit lesen
ii	MPSA <i>Subscription</i>	Langganan	5 – 999 unit lesen
iii	EES <i>Subscription</i>	Langganan	≥ 1000 unit lesen
iv	OVS <i>Education</i>	Langganan	5 – 999 unit lesen

### 3.7 **Kadar Denda Lewat Bekal**

3.7.1 Kadar denda yang akan dikenakan untuk perolehan ini adalah berdasarkan formula di bawah tertakluk jumlah kenaan denda tidak melebihi nilai pesanan semasa. Formula tersebut adalah seperti berikut:

$$2\% \times \text{Nilai Perolehan} \times \text{Bilangan Hari Lewat}$$

3.7.2 Agensi hendaklah memastikan potongan denda yang dikenakan adalah dibuat ke atas pesanan semasa.

### 3.8 **Kaedah Pesanan**

3.8.1 Agensi hanya perlu mengeluarkan pesanan kerajaan kepada Prestariang sekiranya ingin melaksanakan perolehan Microsoft dengan memberi alamat yang lengkap serta nama pegawai dan nombor telefon masing-masing kepada Prestariang supaya perolehan berjalan dengan lancar dan tepat ke tempat yang ditetapkan.

### 3.9 **Syarat Pembayaran**

3.9.1 Pembayaran bil-bil yang dikemukakan oleh syarikat hendaklah dibuat mengikut tatacara kewangan semasa yang ditetapkan dan masih berkuat kuasa. Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh syarikat dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dilunaskan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bil itu diterima.

3.9.2 Walau apapun peraturan pengesahan penerimaan bekalan yang diamalkan atau ditetapkan oleh sesuatu Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Kerajaan Negeri/ILA, namun pengesahan penerimaan bekalan/perkhidmatan dibawah perolehan MLA 3.0 ini hendaklah dibuat dengan segera iaitu selewat-lewatnya pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan syarikat mengemukakan bil pembayaran dengan kadar segera.

### 3.10 **Latihan Pegawai**

3.10.1 Agensi yang melaksanakan perolehan perisian Microsoft melalui 1PP ini boleh menghantar kakitangan masing-masing mengikuti kursus di bawah *Role Base Training Civil Servants* (RBTCS). Bagi maksud pelaksanaan RBTCS ini, Agensi boleh berhubung dengan Prestariang seperti maklumat berikut:

Nama Syarikat : Prestariang System Sdn. Bhd.  
Alamat Syarikat : 70-73, NeoCyber  
Lingkar Cyber Point Barat  
63000 CYBERJAYA SELANGOR  
Pegawai Perhubungan : Noor Hasrati Binti Hassan/  
Faradiana Binti Jasmi  
No. Tel : 03-8314 8400  
E-mel : [cep@prestariang.com.my](mailto:cep@prestariang.com.my)  
No. Faks : 03 -8318 9280

### 3.11 **Maklumat Lanjut Berkaitan Program MLA 3.0**

3.11.1 Sebarang maklumat lanjut berkaitan program MLA 3.0, Agensi boleh merujuk laman sesawang rasmi beralamat <https://mla.prestariang.com.my>.

## 4. **TATACARA DAN PELAKSANAAN PEROLEHAN**

Terdapat lima (5) kategori perolehan perisian, perkhidmatan dan perkakasan bagi Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan ILA iaitu:

### 4.1 **Perolehan Perisian Microsoft**

4.1.1. Agensi hendaklah mendapatkan perisian Microsoft melalui Prestariang yang dilantik mengikut kuantiti yang diperlukan.

### 4.2 **Perolehan *Renewal* SA**

4.2.1. Agensi diberi tempoh hanya 30 hari untuk membuat perolehan SA sebaik sahaja Kontrak EAP dan OVP Agensi tamat. Selepas tempoh 30 hari tersebut, Agensi tidak boleh menggunakan jadual harga *renewal* EAP atau *renewal* OVP sebaliknya Agensi perlu menggunakan jadual harga *new* EAP dan *new* OVP.

### 4.3 **Perkakasan/ Pembangunan Sistem Aplikasi Yang Memerlukan Perisian Microsoft**

4.3.1. Agensi hendaklah memastikan perolehan perisian Microsoft yang diperlukan bagi perkakasan/pembangunan sistem aplikasi diperolehi di bawah peraturan ini mengikut tatacara semasa yang ditetapkan dan masih berkuat kuasa.

4.3.2. Syarikat yang mengambil bahagian di dalam perolehan perkakasan/pembangunan sistem aplikasi hendaklah mendapatkan tawaran harga perisian Microsoft daripada Prestariang terlebih dahulu dan seterusnya mengemukakan tawaran Prestariang tersebut bersama tawaran perkakasan/pembangunan sistem



aplikasi masing-masing. Agensi hendaklah memastikan tawaran harga perisian Microsoft yang dikemukakan hendaklah mematuhi jadual harga yang telah ditetapkan di bawah MLA 3.0 ini.

- 4.3.3. Agensi juga hendaklah memastikan agar Prestariang dimasukkan dalam kontrak utama petender/penyebut harga yang berjaya sebagai Kontraktor Dinamakan (sub-kontraktor) dan *Deed of Assignment* hendaklah ditandatangani bagi memudahkan pelaksanaan perkakasan/pembangunan sistem aplikasi di peringkat Agensi masing-masing.

#### 4.4 Perolehan Perkakasan Komputer Secara Sewaan

- 4.4.1. Agensi hendaklah memastikan perkakasan yang disewa melebihi tempoh setahun menggunakan perisian Microsoft yang diperolehi di bawah peraturan ini.
- 4.4.2. Syarikat yang mengambil bahagian di dalam perolehan perkakasan komputer secara sewaan hendaklah mendapatkan tawaran harga perisian Microsoft daripada Prestariang terlebih dahulu dan seterusnya mengemukakan tawaran Prestariang tersebut bersama tawaran perkakasan komputer secara sewaan mengikut syarikat masing-masing. Agensi hendaklah memastikan tawaran harga perisian Microsoft yang dikemukakan hendaklah mematuhi jadual harga yang telah ditetapkan di bawah MLA 3.0 ini.
- 4.4.3. Bagi tujuan perolehan perkakasan komputer secara sewaan, Agensi adalah digalakkan untuk memperolehi program EAS/OVS/EES/OVS Education/MPSA *Subscription* di mana Agensi tidak perlu mengeluarkan (*uninstall*) perisian tersebut selepas tempoh sewaan tamat. Walau bagaimanapun, jika Agensi berhasrat memperolehi program perisian EAP/OVP/MPSA, Agensi hendaklah memastikan perisian tersebut dikeluarkan (*uninstall*) daripada komputer yang disewa selepas tamat tempoh sewaan.
- 4.4.4. Bagi perolehan di perenggan 4.3 dan 4.4 di atas, Agensi hendaklah memastikan klausa berikut dinyatakan secara *upfront* di dalam dokumen tender/sebut harga tersebut:

*“Petender/penyebut harga hendaklah mendapatkan tawaran harga perisian Microsoft daripada Prestariang berdasarkan jadual harga yang telah ditetapkan di bawah Master Licensing Agreement (MLA) 3.0 dan memastikan tawaran harga Prestariang tersebut dikemukakan bersekali bersama tawaran masing-masing. Kegagalan petender/ penyebut harga untuk melaksanakan perkara ini akan mengakibatkan tawaran mereka TIDAK DIPERTIMBANGKAN.”*

4.5 Perolehan MPS, MCS dan *Microsoft Hardwares*

4.5.1. Agensi hendaklah memastikan perolehan MPS, MCS dan *Microsoft Hardwares* adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar Agensi masing-masing mengikut peruntukan kewangan yang telah diluluskan.

4.5.2. Walau bagaimanapun, Agensi adalah digalakkan memperoleh MPS, MCS dan *Microsoft Hardwares* melalui dana *Competency Enhancement Program* (CEP) dengan mengemukakan permohonan kepada MOF.

**5. ADUAN DAN PERTANYAAN**

5.1. Sebarang aduan atau pertanyaan mengenai kontrak MLA 3.0 /Prestariang, Agensi boleh merujuk berdasarkan ketetapan berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
(Seksyen Kontrak Pusat Dan Sistem Panel)  
Aras 3, Blok Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**

**No. Tel:** 03-8882 8861/4025

**Emel :** [kontrakpusat@treasury.gov.my](mailto:kontrakpusat@treasury.gov.my)